

# **SISTEM PENGELUARAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN OLEH PARA PROFESIONAL**

## **PENDAHULUAN**

Buku panduan ini disediakan untuk membantu Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi-agensi teknikal, badan-badan kawalselia yang berkenaan, para profesional, pihak pemaju, kontraktor-kontraktor bangunan dan tred serta semua pihak yang berkaitan memahami sistem pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance* – CCC) oleh para profesional.

2. Antara lain, buku panduan ini memberi penjelasan mengenai terminologi dan takrif yang digunakan, latar belakang dan rasional serta elemen-elemen utama yang berkaitan dengan pelaksanaan sistem perakuan baru ini.

## **TERMINOLOGI**

3. Pengenalan sistem CCC telah memberikan pentakrifan kepada beberapa terminologi penting yang digunakan. Takrif bagi terminologi-terminologi ini adalah mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Pindaan) 2007 (Akta A1286) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (Pindaan) 2007. Dalam buku panduan ini, terminologi-terminologi dan takrif yang digunakan adalah seperti berikut:-

- (a) "orang utama yang mengemukakan" (*Principal Submitting Person* – PSP) adalah orang yang berkeelayakan yang mengemukakan pelan bangunan untuk kelulusan PBT. Ia termasuk orang yang berkeelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawabnya sebagai PSP;
- (b) "orang yang mengemukakan" (*Submitting Person* – SP) adalah orang yang berkeelayakan dan mana-mana orang yang

berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawabnya yang mengemukakan pelan selain pelan bangunan kepada PBT atau pihak berkuasa berkanun yang berkaitan;

- (c) "orang yang berkelayakan" adalah Arkitek Profesional, Jurutera Profesional atau pelukis pelan bangunan yang berdaftar dengan badan-badan yang berhubungan dengan pendaftarannya;
- (d) "pelan bangunan" ertinya pelan yang termasuk pelan tapak, pelan punca, pelan lantai, muka-muka keratan dan tampak-tampak bangunan;
- (e) "syarat teknikal" ertinya syarat-syarat yang berhubung dengan isu-isu kesihatan dan keselamatan yang berhubung dengan bangunan dan perkhidmatan perlu yang diadakan bagi bangunan itu; dan
- (f) "perakuan berperingkat" adalah proses yang diperkenalkan dalam sistem CCC di mana penyiapan dan pematuhan setiap komponen pembinaan perlu disahkan oleh para profesional dan pihak kontraktor atau kontraktor tred yang bertanggungjawab kepada komponen berkenaan. Proses pengesahan ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut proses pembinaan.

## **LATAR BELAKANG**

4. Kerajaan telah bersetuju memperkenalkan sistem perakuan CCC yang dikeluarkan oleh Para Profesional sebagai menggantikan Perakuan Kelayakan Menduduki (*Certificate of Fitness for Occupation – CFO*) yang dikeluarkan dahulu oleh PBT. Pengenalan sistem perakuan baru ini dibuat setelah mengambilkira kelebihan dan kebaikannya berasaskan kajian menyeluruh yang telah dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama-sama

dengan pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau yang mempunyai kepentingan dalam industri pembinaan.

5. Sistem pengeluaran CCC oleh para profesional adalah satu usaha ke arah pendekatan *self-regulation* dan *self-certification*, iaitu, konsisten dengan hasrat Kerajaan seperti yang terkandung dalam langkah 70 (d) Strategi Baru Merangsang Pertumbuhan Ekonomi Negara. Ia bertujuan mempertingkatkan lagi kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan pemajuan projek menerusi usaha-usaha mengurangkan karenah birokrasi. Pengenalan CCC akan menyumbang kepada pengurangan kos menjalankan perniagaan di negara ini di samping memudahkan para pelabur berurusan dengan pihak Kerajaan.

6. Sistem CCC bukan satu konsep baru. Ia merupakan peluasan sistem yang telahpun digunakan bagi rumah berasingan yang dibina secara tunggal kepada lain-lain kategori bangunan. Pindaan UKBS pada tahun 1999 telah membolehkan rumah berasingan seperti banglo dikecualikan daripada memohon CFO dan bagi Arkitek Profesional atau Pelukis Pelan Berdaftar mengeluarkan CCC selaku Orang Yang Mengemukakan (OMP). Sistem berkenaan telah dilaksanakan tanpa masalah sejak diperkenalkan dan kini pemakaiannya diperluaskan kepada lain-lain kategori bangunan.

7. Dari sudut akauntabiliti terhadap keselamatan dan keselesaan bangunan, pengambilalihan tugas mengeluarkan sijil perakuan ini oleh para profesional lebih merupakan satu formaliti. Ini adalah kerana di bawah sistem pengeluaran CFO, para profesional sememangnya diwajibkan memberi pengesahan terhadap isu keselamatan dan kelayakan menduduki bangunan. Selain itu, pemberian tanggungjawab mengeluarkan sijil perakuan bangunan oleh para profesional juga dianggap satu langkah wajar. Ini adalah memandangkan mereka merupakan pihak yang paling memahami pemajuan sesuatu projek kerana terlibat secara langsung dalam keseluruhan fasa pembangunannya; iaitu, dari peringkat kerja-kerja persiapan memulakannya hingga ke peringkat-peringkat pembinaan dan penyiapan projek.

8. Satu ciri penambahbaikan kepada sistem CCC ialah notis milikan kosong (*notice of vacant possession - VP*) boleh dikeluarkan bersekali dengan CCC yang kini berada dalam kawalan para profesional. Faktor ini akan menyumbang kepada penyelesaian masalah yang sering berlaku di bawah sistem pengeluaran CFO di mana pembeli rumah memperoleh kunci rumah tetapi tidak boleh mendudukinya kerana CFO belum dikeluarkan lagi.

9. Bagi memantap dan memastikan keberkesanaan pelaksanaan sistem perakuan CCC, beberapa rang undang-undang yang berkaitan turut dipinda. Selain Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133) dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, undang-undang yang dimaksudkan adalah:-

- (a) Akta Pemajuan Perumahan 1966 (Kawalan dan Pelesenan) (Akta 118);
- (b) Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318);
- (c) Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138); dan
- (d) Akta Arkitek 1967 (Akta 117).

## **PELAKSANAAN SISTEM PENGELUARAN CCC**

10. Pelaksanaan CCC melibatkan beberapa perubahan serta pengenalan elemen-elemen baru dalam sistem persijilan bangunan. Penjelasan mengenai perkara ini menjadi tumpuan bahagian Buku Panduan ini seterusnya.

## PARA PROFESIONAL YANG BERTANGUNGJAWAB DALAM PENGELUARAN CCC

11. Di bawah sistem perakuan baru ini, CCC akan dikeluarkan oleh Arkitek Profesional atau Jurutera Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) atau Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) selaku PSP. Bagi bangunan yang memerlukan *input* senibina yang tinggi, Arkitek Profesional akan bertindak sebagai PSP sementara Jurutera Profesional pula akan bertindak sebagai PSP bagi projek-projek berbentuk kejuruteraan. Bagi banglo yang tidak melebihi ketinggian 2 tingkat dan keluasan yang tidak melebihi 300 meter persegi pula, Pelukis Pelan Bangunan akan berfungsi sebagai PSP serta mengeluarkan CCC. Ini adalah seperti yang dibenarkan dalam Akta Arkitek.

12. CCC hanya boleh dikeluarkan setelah semua pihak berkenaan berpuashati bahawa pembinaan tersebut telah diawasi dan disiapkan mengikut peruntukan-peruntukan perundangan dan syarat-syarat dalam Kelulusan Pelan Bangunan seperti yang ditetapkan oleh PBT.

## KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN BANGUNAN

13. Di bawah sistem pengeluaran CCC, dua proses utama dalam sistem CFO, iaitu Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan dikekalkan. Kedua-dua proses masih perlu dikemuka dan diluluskan oleh PBT terlebih dahulu.

14. Salah satu daripada tanggungjawab utama PSP adalah untuk mengemukakan Pelan Bangunan. Sementara pelan-pelan lain, selain pelan bangunan, adalah dikemukakan oleh SP, iaitu, sama ada Arkitek Profesional atau Jurutera Profesional. Dengan pelaksanaan sistem CCC, PSP juga adalah bertanggungjawab memastikan penyediaan dan pengemukaan lukisan-lukisan lain ini adalah dalam keadaan teratur.

## KEDUDUKAN SYARAT-SYARAT TEKNIKAL DAN BUKAN TEKNIKAL

15. Dengan pelaksanaan sistem CCC, PSP hanya perlu memastikan pematuhan kepada syarat-syarat teknikal sebelum CCC boleh dikeluarkan. Perubahan ini dibuat memandangkan syarat-syarat bukan teknikal yang lazim dikenakan PBT (seperti pembinaan rumah-rumah kos rendah dalam pemajuan perumahan bercampur, kuota Bumiputera dan sumbangan kepada PBT bagi pembinaan kemudahan awam) adalah di luar kawalan PSP.

16. KPKT kini dalam proses meneliti pengujudan mekanisme alternatif bagi melaksanakan syarat-syarat bukan teknikal sebelum CCC dikeluarkan. Ini termasuk:-

(a) kuota Bumiputera. Cadangan pendekatan:

- i) kuota ditetapkan dan ditanda dalam pelan pre-comp sebagaimana yang dilulus.
- ii) dicadangkan oleh pemaju untuk kelulusan PBT.

(b) 30% rumah kos rendah. Cadangan pendekatan:

- i) pemaju deposit jaminan bank atas harga semasa rumah untuk Kerajaan Negeri ambillah sekiranya pemaju gagal.
- ii) pemaju serah tanah dan sediakan infrastruktur yang berkaitan tanah tersebut untuk Kerajaan Negeri laksana.
- iii) syaratkan pemaju mula bina rumah kos rendah apabila kemajuan projek sampai peratus tertentu.

(c) sumbangan untuk kemudahan awam. Cadangan pendekatan:

- i) dijelaskan sebelum pelan bangunan lulus.

- ii) penekanan kepada pembentukan ISF selaras dengan peruntukan Akta 133.

## PROSES PERAKUAN BERPERINGKAT

17. Dalam sistem pengeluaran CFO, peranan dan tanggungjawab pihak-pihak selain daripada OMP tidak dikawal secara nyata dan jelas. Bagi memperkemas pelaksanaan sistem CCC, satu elemen penting yang diperkenalkan ialah pendekatan perakuan secara berperingkat (*stage certification*). Pendekatan ini, yang berasaskan prinsip tanggungjawab secara matriks (*matrix of responsibility*), mewajibkan pihak kontraktor atau kontraktor tred dan para profesional yang bertanggungjawab kepada sesuatu komponen pembinaan itu memperakuan penyiapan dan pematuhan komponen berkenaan; sebagai contoh, bagi kerja-kerja perpaipan dalaman, kontraktor tred (*licensed plumber*) dan Arkitek Profesional atau Jurutera Profesional (bergantung kepada pihak mana yang menyediakan dan mengemukakan lukisan perpaipan dalaman) perlu sama-sama mengesahkan penyiapan dan pematuhan kerja-kerja pemasangan perpaipan dalaman. Pelaksanaan sistem baru ini adalah bertujuan meningkatkan lagi aspek keselamatan dan keselesaan bangunan di samping memudahkan tindakan diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kegagalan.

18. Di bawah sistem pengeluaran CCC, 21 komponen pembinaan dikenalpasti dalam proses perakuan berperingkat. Bagi maksud ini, 21 Borang Perakuan Berperingkat (iaitu, Borang G 1 hingga G 21) diperkenalkan di bawah Jadual Kedua UKBS 1984 (Pindaan) 2007. (Contoh borang-borang G 1 hingga G 21 adalah seperti di Lampiran `A'). Jadual 1 menunjukkan jenis borang yang digunakan mengikut komponen pembinaan dan pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam proses perakuan berperingkat.

19. Selaras dengan pelaksanaan proses perakuan berperingkat ini, PSP hendaklah memaklumkan tahap pendirian bangunan kepada PBT. (Contoh borang bagi memaklumkan penyiapan peringkat pembinaan adalah seperti di Lampiran `B').

**Jadual 1: Proses Perakuan Berperingkat**

JENIS BORANG	KOMPONEN	KONTRAKTOR	KONTRAKTOR TRED	PROFESIONAL
G 1	Kerja-kerja Tanah	✓		(SP)
G 2	Pemancangan Tanda	✓	✓ (Juruukur Tanah Berlesen)	(PSP)
G 3	Tapak	✓		(SP)
G 4	Struktur	✓		(SP)
G 5	Perpaipan Air Dalam		✓ (Tukang Paip Berlesen)	(SP)
G 6	Perpaipan Sanitari Dalam		✓ (Tukang Paip Berlesen)	(SP)
G 7	Elektrikal Dalam		✓ (Orang yang cekap atau mahir)	(SP)
G 8	Menentang Kebakaran (Pasif)	✓		(PSP)
G 9	Menentang Kebakaran (Aktif)		✓	(PSP)
G 10	Pengudaraan Mekanikal		✓	(SP)
G 11	Pemasangan Lif/Eskalator		✓	(SP)
G 12	Bangunan	✓		(PSP)
G 13	Sistem Bekalan Air Luaran		✓	(SP)
G 14	Retikulasi Pembentungan		✓	(SP)
G 15	Loji Rawatan Pembentungan		✓	(SP)
G 16	Sistem Bekalan Elektrik Luaran		✓ (Orang yang cekap atau mahir)	(SP)
G 17	Jalan dan Parit		✓	(SP)
G 18	Lampu jalan		✓ (Orang yang cekap atau mahir)	(SP)
G 19	Parit Luaran Utama		✓	(SP)
G 20	Telekomunikasi		✓	(SP)
G 21	Pandangan Darat		✓	✓ (Arkitek/Arkitek Lanskap)



## BORANG-BORANG YANG DIGUNAKAN

20. Selain pengenalan Borang-borang Perakuan Berperingkat, pelaksanaan sistem pengeluaran CCC juga melibatkan pembatalan beberapa borang sedia ada serta pengenalan lain-lain borang baru di bawah Jadual Kedua, UKBS 1974 (Pindaan) 2007. Borang-borang berkenaan adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2**  
**Borang-borang Yang Digunakan Dalam Sistem Pengeluaran CCC**

BIL.	JENIS BORANG	STATUS & KEGUNAAN BORANG	RUJUKAN
1.	Borang A - 'Perakuan Pelan-Pelan Bangunan/Struktur'	Borang A sedia ada dikekalkan bagi pengemukaan/kelulusan pelan-pelan serta mengandungi perakuan-perakuan SP & PSP.	UUK 3(1)(c) & 16(2) UKBS 1984
2.	Borang B - 'Notis Memulakan/Penyambungan Semula Kerja Bangunan'	Borang B dikekalkan untuk kegunaan seperti sedia ada.	UUK 22(1) & (2) UKBS 1984
3.	Borang C - 'Notis Siap Pancang Tanda'	Dimansuhkan. Dimasukkan sebagai Borang G 2.	Jadual kedua UKBS 1984 (Pindaan) 2007
4.	Borang D - 'Notis Siap Tapak'	Dimansuhkan. Dimasukkan sebagai Borang G 3.	Jadual kedua UKBS 1984 (Pindaan) 2007
5.	Borang G 1 hingga G 21 - 'Perakuan Berperingkat'	Diperkenalkan dalam proses perakuan berperingkat bagi 21 komponen pembinaan.	UUK 25 atau 27 UKBS 1984 (Pindaan) 2007
6.	Borang E - 'Permohonan Bagi Pengeluaran Sijil kelayakan Bagi Pendudukan'	Dimansuhkan.	
7.	Borang F - 'Perakuan Siap Dan Pematuhan'	Menggantikan Borang E dan yang dikeluarkan oleh PSP beserta perakuan bahawa beliau telah mengawasi pembinaan dan penyiapan bangunan tersebut.	UUK 25 UKBS 1984 (Pindaan) 2007

8.	Borang F1 - 'Perakuan Siap Dan Pematuhan Sebahagian'	Dimasukkan selepas Borang F dan yang dikeluarkan oleh PSP bagi mana-mana bahagian bangunan yang telah siap sebahagian.	UUK 27 UKBS 1984 (Pindaan) 2007
----	--	--	---------------------------------

(Contoh Borang-borang F dan F1 adalah seperti di Lampiran 'C').


## PROSES PENGELUARAN CCC

21. Di bawah peruntukan undang-undang kecil 25 UKBS 1984 (Pindaan) 2007, PSP boleh mengeluarkan CCC menggunakan Borang F tertakluk kepada perkara-perkara berikut:-

- (a) apabila semua syarat-syarat teknikal yang dikenakan oleh PBT telah dipatuhi;
- (b) apabila Borang-borang G1 hingga G21 berkenaan perakuan berperingkat sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kedua telah diperakui dan diterima olehnya;
- (c) apabila semua perkhidmatan perlu termasuk jalan akses, pandang darat, tempat letak kereta, parit, pemasangan alat-alat sanitari, air dan elektrik, pili bomba, kehendak pembentungan dan pembuangan sampah dan lif bomba jika dikehendaki, telah disediakan; dan
- (d) apabila beliau memperakui dalam Borang F bahawa beliau telah mengawasi pembinaan dan penyiapan bangunan tersebut dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya bangunan tersebut telah dibina dan disiapkan mengikut akta undang-undang kecil ini dan pelan yang diluluskan.

22. Pihak PSP juga dihendaki dalam tempoh 14 hari dari pengeluaran CCC atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian mengemukakan sesalinan perakuan berkenaan serta Borang-borang Perakuan Berperingkat kepada PBT dan LAM atau LJM, mengikut mana berkenaan. Carta Aliran 'A' menunjukkan proses pengeluaran CCC dari peringkat pengemukaan pelan hingga sijil ini dikeluarkan.

**CARTA ALIRAN 'A'**  
**PROSES PENGELUARAN CCC**



## PENALTI-PENALTI YANG DIKENAKAN

23. Dengan pelaksanaan sistem perakuan CCC, pindaan juga dibuat kepada Akta 133 berkaitan dengan penalti-penalti yang boleh dikenakan bersabit kesalahan-kesalahan yang melanggar peruntukan undang-undang. Pada amnya, pindaan ini melibatkan kenaikan semua denda terdahulu serta pengenalan tempoh pemenjaraan sehingga tidak melebihi sepuluh (10) tahun. Jadual 3 menunjukkan pindaan kepada penalti-penalti yang dikenakan mengikut jenis kesalahan di bawah sistem pengeluaran CCC.

**Jadual 3**  
**Pindaan Penalti-Penalti Di Bawah Akta A1286**

BIL.	PINDAAN PENALTI	JENIS KESALAHAN YANG DISABITKAN
1.	Menaikkan denda tidak lebih daripada <u>satu ribu ringgit</u> kepada tidak lebih daripada <u>dua puluh lima ribu ringgit</u> . (subseksyen (11))	Membuat perubahan kepada bangunan yang lain daripada yang diperuntukkan dalam Akta atau dalam undang-undang kecil tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada PBT
2.	Menaikkan denda tidak lebih daripada <u>satu ribu ringgit</u> kepada tidak lebih daripada <u>dua puluh lima ribu</u> ringgit dan denda tambahan tidak lebih daripada <u>satu ratus</u> ringgit kepada tidak lebih daripada <u>lima ratus</u> ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan. (Subseksyen 12)	Menggunakan bangunan atau bahagian bangunan bagi maksud yang lain daripada maksud ia dibina pada asalnya tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada PBT.
3.	Menaikkan denda tidak lebih daripada <u>sepuluh ribu ringgit</u> kepada tidak lebih daripada <u>lima puluh ribu ringgit</u> atau <u>dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun</u> atau <u>kedua-duanya</u> . Denda tambahan sebanyak <u>dua ratus lima puluh ringgit</u> dinaikkan kepada <u>satu ribu ringgit</u> bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan. (Subseksyen 13)	<p>Bagi kesalahan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) memulakan atau memulakan semula pendirian sesuatu bangunan dengan melanggar seksyen-kecil (9);</li> <li>b) memulakan pendirian sesuatu bangunan dengan melanggar seksyen-kecil (9A);</li> <li>c) melencong daripada mana-mana plan atau penentuan yang diluluskan oleh PBT tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu;</li> </ul>

<p>4.</p>	<p>Denda tidak melebihi <u>dua ratus lima puluh ribu ringgit</u> atau <u>dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun</u> atau kedua-duanya. (Subseksyen 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>d) mendirikan bangunan bersalahan dengan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil; atau</li> <li>e) tidak mematuhi arahan bertulis PBT atau syarat yang dikenakan oleh PBT kepada apa-apa ubahsuaian atau pengenatepian apa-apa kehendak mana-mana undang-undang kecil,</li> <li>a) bukan PSP tetapi mengeluarkan suatu perakuan siap dan pematuhan;</li> <li>b) mengeluarkan CCC tanpa borang berkaitan;</li> <li>c) mengeluarkan CCC yang melanggar arahan PBT untuk menahan pengeluaran sedemikian sementara menunggu pembetulan apa-apa ketidakpatuhan;</li> <li>d) membuat perisytiharan, perakuan, permohonan atau representasi palsu atau fraud apa-apa borang yang ditetapkan ;</li> <li>e) meminda atau melancung borang yang ditetapkan dengan mengetahui bahawa perisytiharan, perakuan, permohonan atau representasi itu telah dipalsukan, dipinda atau dilancarkan; atau</li> <li>f) menduduki atau membenarkan untuk diduduki apa-apa bangunan atau apa-apa bahagiannya tanpa perakuan CCC.</li> </ul>
-----------	---	--

5.	Denda di bawah Penalti Am tidak lebih daripada <u>dua ribu ringgit</u> dinaikkan kepada tidak lebih daripada <u>sepuluh ribu ringgit</u> dan menaikkan denda tambahan tidak lebih daripada <u>satu ratus ringgit</u> kepada tidak lebih daripada <u>lima ratus ringgit</u> bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan. (Subseksyen 127)	Di bawah Penalti Am di mana tiada apa-apa penalti diperuntukkan dengan nyata bagi seseorang yang bersalah atas suatu kesalahan.  (Catitan: Undang-undang kecil 28 UKBS juga dipinda berhubung kesalahan ini).
----	---	---

## PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PBT DAN PSP

24. Jadual 4 memperjelaskan peranan dan tanggungjawab PBT dan PSP di bawah sistem pengeluaran CCC.

**Jadual 4**  
**Peranan Dan Tanggungjawab PBT Dan PSP**

PBT	PSP
1. Meluluskan Permohonan Kebenaran Merancang;	1. Mengemukakan Pelan Bangunan kepada PBT untuk kelulusan melalui Borang A;
2. Meluluskan Pelan Bangunan apabila semua syarat teknikal telah dipenuhi;	2. Menyelaras penyediaan dan pengemukaan pelan-pelan, selain Pelan Bangunan, oleh SP;
3. Membuat pemeriksaan ditapak atas inisiatif sendiri atau atas aduan;	3. Memaklumkan kepada PBT melalui Borang B untuk memulakan operasi pembinaan di tapak;
4. Mengeluarkan notis kepada PSP untuk mengambil tindakan ke atas perkara-perkara yang didapati tidak mematuhi peruntukan-peruntukan perundangan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan;	4. Mengawasi kerja-kerja binaan di tapak dan memastikan peruntukan-peruntukan perundangan dan syarat-syarat teknikal dipatuhi;
5. Mengeluarkan arahan kepada PSP untuk tidak mengeluarkan CCC:	5. Melapur dan menerangkan sebab berlakunya kemungkiran dan menyatakan tindakan pemulihan yang telah diambil sekiranya berlaku kemungkiran semasa pembinaan;
<ul style="list-style-type: none"> <li>• sehingga perkara ketidakpatuhan diperbetulkan;</li> </ul>	6. Mengemukakan notis menyambung semula kerja melalui Borang B kepada PBT;

<ul style="list-style-type: none"> <li>• jika berlaku penipuan dalam pembinaan, dokumentasi atau pengurusan projek; dan,</li> <li>• jika terdapat maklumat yang tidak tepat dalam dokumentasi;</li> </ul> <p>6. Mengeluarkan notis kepada PSP jika berlaku kemungkiran tetapi tidak dilaporkan kepada PBT;</p> <p>7. Mendakwa para profesional dan melaporkan kepada Lembaga Profesional atas salah laku;</p> <p>8. Mendakwa pihak-pihak yang memberi perakuan yang salah dalam borang-borang yang dinyatakan dalam UKBS 1984 dan melaporkan kepada badan-badan kawal selia yang berkaitan; dan,</p> <p>9. Memastikan bangunan lebih 5 tingkat dan berusia 10 tahun dari tarikh CCC dikeluarkan, diperiksa tahap keselamatannya setiap 10 tahun.</p> <p>10. Mengeluarkan CFO bagi pemajuan yang pelan bangunan dikemukakan dilulus atau bangunan yang siap sebelum kuatkuasa CCC.</p>	<p>7. Memastikan hanya Borang G yang berkaitan dilengkapkan dan seterusnya mengemukakan sesalinan semua Borang G (termasuk yang tidak berkenaan) kepada PBT dan Lembaga Profesional;</p> <p>8. Mengemukakan CCC kepada pemilik atau pemaju dan sesalinan kepada PBT dan Lembaga Profesional yang berkaitan; dan,</p> <p>9. Memastikan perkara-perkara ketidakpatuhan semasa pembinaan seperti dalam notis PBT kepada PSP dipatuhi sebelum CCC dikeluarkan.</p>
---	--

25. Senarai semak tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh PSP dalam proses mengeluarkan CCC adalah seperti di Lampiran `D`.

### **KEKECUALIAN DALAM PELAKSANAAN SISTEM CCC**

26. Mengikut Akta A1286, pelaksanaan sistem CFO masih diteruskan dalam beberapa keadaan tertentu. Keadaan-keadaan yang dimaksudkan adalah seperti dihuraikan dalam Jadual 5.

**Jadual 5**  
**Kekecualian Pelaksanaan Sistem CCC**

BIL.	KEKECUALIAN
1.	Pelan bangunan telah dikemuka dan diterima PBT sebelum kuat kuasa sistem CCC tetapi belum lulus.
2.	Pelan bangunan telah lulus sebelum kuat kuasa sistem CCC.
3.	Arahan bertulis telah dikeluarkan untuk pelan dan penentuan dipinda dan dikemuka semula bagi pelan yang dikemuka sebelum kuat kuasa sistem CCC.
4.	Pelan dan penentuan yang dipinda belum lulus bagi pelan yang dikemuka sebelum kuat kuasa sistem CCC.
5.	Kerja pembinaan belum mula dan masih dalam tempoh 12 bulan dan tarikh pelan dan penentuan yang diluluskan bagi pelan yang dikemukakan sebelum tarikh kuat kuasa sistem CCC.
6.	Kerja mendirikan bangunan telah bermula sebelum kuat kuasa sistem CCC.
7.	Kerja bangunan telah digantung dan dimula semula selepas tarikh kuat kuasa sistem CCC.
8.	Bangunan telah didirikan tanpa pelan dan penentuan yang diluluskan sebelum tarikh kuat kuasa sistem CCC.



## SOALAN-SOALAN LAZIM

27. Adalah dijangkakan beberapa persoalan akan dibangkitkan khususnya sewaktu tempoh peralihan kepada sistem pengeluaran CCC. (Lampiran `E` menyenaraikan beberapa soalan berkaitan dengan pelaksanaan CCC serta jawapannya).

## PENUTUP

27. Sistem pengeluaran CCC oleh para profesional adalah satu usaha pembaharuan bagi proses persijilan keselamatan dan keselesaan bangunan. Ia merupakan satu langkah wajar bagi mempertingkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan industri pembinaan yang sekali gus akan menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara ini. Pengenalan CCC tidak sahaja akan memberi munafaat serta kelebihan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam projek pemajuan bangunan tetapi juga pihak pembeli dan pemilik bangunan. Kelicinan dalam pelaksanaan sistem pengeluaran CCC diharapkan akan meredakan kegelisahan yang kini sering dihadapi pihak pembeli dan pemilik menerusi penyingkatan masa menunggu untuk memasuki bangunan.

28. Kelebihan-kelebihan sistem CCC akan hanya terhasil sekiranya wujud komitmen yang tinggi dan kerjasama yang erat di antara PBT dan para profesional yang terlibat. Pihak PBT perlu berfungsi sebagai mekanisme *check and balance* yang efektif demi menjaga kepentingan pembeli dan pemilik bangunan sementara para profesional pula perlu bertindak benar kepada profesion mereka. Pada analisis terakhir, keberkesanan dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab kedua-dua pihak menjanjikan satu situasi `menang-menang' (*win-win situation*) yang melebar kepada semua pihak. Pematuhan rapi para profesional selaku PSP kepada peruntukan undang-undang serta pelan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam proses mengeluarkan CCC akan mengurangkan tidak sahaja beban yang

ditanggung PBT tetapi juga pihak pembeli. Sementara tindakan PBT mengesan ketidakpatuhan berkenaan terutamanya di peringkat pendirian bangunan akan mengurangkan kos pembedaan serta akibat dakwaan atau tindakan disiplin yang terpaksa ditanggung oleh para profesional.

29. Buku Garis Panduan ini telah disediakan sebagai panduan asas kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan sistem perakuan baru ini.

Pemahaman yang jelas mengenai sistem baru ini diharapkan akan membantu mereka yang bertanggungjawab menyempurnakan peranan dan tugas masing-masing dengan lebih lancar dan berkesan.

*AkbarDrafBukuPanduanVerAkhir*

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G 1

**PERAKUAN BERPERINGKAT : KERJA-KERJA TANAH**

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau melaksanakan pembinaan dan penyiapan bagi kerja/kerja-kerja tanah dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah menurut Pelan Kerja Tanah yang Diluluskan No.Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya dan sewajarnya.

	<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
a)	Kontraktor _____	_____	_____
		(Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan)	(Tarikh:        )
(b)	Orang yang _____	_____	_____
	mengemukakan	(Lembaga Jurutera Malaysia)	(Tarikh:        )

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini adalah tidak berkaitan.

\_\_\_\_\_  
(Orang utama yang mengemukakan)

# No. Kad Pengenalan., jika tiada badan pendaftaran yang berkaitan

\* Potong mana yang tidak berkenaan

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G 2

**PERAKUAN BERPERINGKAT : PEMANCANGAN TANDA**

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau melaksanakan pemasangan pancang tanda dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja itu adalah menurut pelan yang diluluskan No. Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya dan sewajarnya.

	<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a)	Kontraktor _____	_____	_____
		(Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan)	(Tarikh:        )
(b)	Juruukur Tanah _____	_____	_____
	Berlesen	(Lembaga Juruukur Tanah Malaysia)	(Tarikh:        )
(c)	Orang utama _____	_____	_____
	yang mengemukakan	(*Lembaga Arkitek Malaysia/ Lembaga Jurutera Malaysia)	(Tarikh:        )

ATAU

- \*2. Saya memperakui bahawa borang ini adalah tidak berkaitan.

\_\_\_\_\_  
(Orang utama yang mengemukakan)

# No.Kad Pengenal., jika tiada badan pendaftaran yang berkaitan

\* Potong mana yang tidak berkenaan

BORANG G 3

**PERAKUAN BERPERINGKAT : ASAS TAPAK**

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: .....

- \*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau melaksanakan kerja-kerja tapak dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja itu adalah menurut Pelan yang Dekemukakan No. Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya dan sewajarnya.

	<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
